

Pembenihan awan tingkat paras air empangan

Proses pembenihan awan yang dilaksanakan hampir setiap hari di kawasan tadahan diyakini mampu menyumbang kepada peningkatan paras Empangan Sungai Selangor dalam masa terdekat.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Azhar Ishak berkata, di samping hujan biasa, proses pembenihan awan yang dilakukan di kawasan persekitaran tadahan yang tidak hujan membantu meningkatkan taburan hujan di kawasan berkenaan.

“Ketika proses pembenihan awan di kawasan tadahan, kawasan sekitar yang belum hujan lagi ketika itu kita lakukan proses pembenihan di situ untuk membolehkan awan itu bercantum dengan awan yang sedang hujan,” katanya.